



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[AL-ASHA'IRAH: DEVELOPMENTAL FACTORS AND METHODOLOGY OF ARGUMENT]

AL-ASHA'IRAH: FAKTOR PERKEMBANGAN DAN METODOLOGI ARGUMENTASINYA

MOHD FAIZ HAKIMI MAT IDRIS^{1*}
ISHAK SULIAMAN¹
AHMAD ZAHID SALLEH¹
SOFYUDDIN YUSOF¹
ABDILLAH HISHAM ABDUL WAHAB¹
MOHD A'TARAHIM MOH RAZALI¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

*Corresponding author: mfhakimi@unisza.edu.my

Received Date: 9 Januari 2015 • Accepted Date: 9 August 2015

Abstract

This paper aims to trace the history of how al-Asha'irah emerged, factors that contributed to its development, prominent figures in this stream, and the stream's method of proving with dalil (reasoning based on analogy). This stream was founded by 'Ali Ibn Isma'il Ibn Ishaq Ibn Salim Ibn Isma'il Ibn 'Abd Allah Ibn Musa Ibn Bilal Ibn Abi Burdah Ibn Abi Musa al-Ash'ari. The stream employed two methods of proving with dalil. They referred to naqli dalil, which refers to the Quran and hadith, and they employed sensible dalil to strengthen the reasoning obtained from the Quran and hadith.

Keywords: Al- Asha'irah, methodology, school of thought

Abstrak

Artikel ini bertujuan melakukan sorotan tentang sejarah kemunculan aliran al-Asha'irah, faktor-faktor yang menyumbang kepada perkembangannya, tokoh-tokoh aliran ini serta metodologi pendalilannya. Aliran ini diasaskan oleh 'Ali Ibn Isma'il Ibn Ishaq Ibn Salim Ibn Isma'il Ibn 'Abd Allah Ibn Musa Ibn Bilal Ibn Abi Burdah Ibn Abi Musa al-Ash'ari. Aliran ini menggunakan dua metodologi pendalilan iaitu dalil naqli dengan merujuk kepada al-Qur'an dan hadith, dan penggunaan dalil akal bagi memperkuat pendalilan yang diambil dari al-Qur'an dan hadith.

Kata kunci: Al- Asha'irah, metodologi, aliran pemikiran, argumentasi

Cite as: Mohd Faiz Hakimi Mat Idris, Ishak Suliaman, Ahmad Zahid Salleh, Sofyuddin Yusof Abdillah Hisham Abdul Wahab & Mohd A'Tarahim Mohd Razali. 2015. Ah-Asha'irah: Faktor Perkembangan dan Metodologi Argumentasinya. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 11(1): 99-109

PENGENALAN

Aliran al-Asha'irah merupakan satu nama bagi satu cabang mazhab iktikad dalam Islam. Ianya merupakan satu mazhab akidah yang diterima pakai oleh majoriti umat Islam dan ulamanya dari dulu hingga masa kini. Ulama aliran ini mempunyai pendirian yang teguh dalam menentang semua fahaman iktikad yang bercelaru dan bercampur aduk dengan unsur-unsur pemikiran yang mengelirukan. Istilah ini secara umumnya merujuk kepada individu atau golongan yang mengikut dan mengaplikasikan metodologi pendalilan yang diasaskan oleh Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari ketika berhujah dan menegakkan perkara yang bersangkutan dengan akidah. Penggunaan istilah al-Asha'irah ini apabila disebut ianya bersifat menyeluruh dan merangkumi mereka yang mengikut aliran al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah (Muhammad al-Zuhayli, 2009).

LATAR BELAKANG PENGASAS DAN PERKEMBANGAN ALIRAN

Nama penuh pengasas mazhab ini ialah 'Ali Ibn Isma'il Ibn Ishaq Ibn Salim Ibn Isma'il Ibn 'Abd Allah Ibn Musa Ibn Bilal Ibn Abi Burdah Ibn Abi Musa al-Ash'ari. Beliau merupakan keturunan kesembilan daripada sahabat Nabi s.a.w iaitu Abu Musa al-Ash'ari. Kunyahnya ialah Abu Hasan (Hamd). Beliau dilahirkan di kota Basrah, Iraq pada kurun ke dua tahun 260 hijrah dan meninggal pada tahun 324 hijrah di Baghdad. Beliau semasa kecilnya mendapat asuhan membaca, menulis dan menghafal al-Qur'an dari bapanya sendiri. Selepas kematian bapanya, beliau belajar dengan beberapa tokoh ulama pada masa itu antaranya al-Saji, Abu Khalifah al-Jumahi, Sahl Ibn Nuh, Muhammad Ibn Ya'qub, 'Abd Rahman Ibn Khayr dan lain-lain. Beliau juga turut berguru dengan ulama fikah mazhab Shafi'i iaitu Abu Ishaq al-Mawardi (W: 340 hijrah) yang berfahaman Muktazilah di Kota Basrah. Selain itu beliau juga turut berguru dengan Abu 'Ali al-Juba'i (W: 303 hij) seorang tokoh Muktazilah yang terkenal pada masa itu dan pada masa yang sama merupakan ayah tirinya (Wan Zailan, 1997 Aliran al-Ash'ari dan al-Asha'irah: Perkembangan, Pengaruh dan Kesannya dalam Dunia Islam khususnya di Alam Melayu, Persatuan Sejarah Malaysia, 84-106).

Kepintaran dan kefasihan beliau menyebabkan Abu 'Ali al-Juba'i sering mewakili beliau dalam pengajaran, perdebatan dan perbahasan kerana al-Juba'i melihat beliau merupakan calon yang paling layak dan berkebolehan untuk menggantikan beliau dan menerajui Muktazilah selepas ketiadaannya. Namun al-Ash'ari mengambil keputusan meninggalkan mazhab Muktazilah pada usia 40 tahun selepas merasakan beliau belum menemui sesuatu yang mampu menenangkan jiwa dan fikirannya. Ini kerana menurut penilaiannya mazhab Muktazilah ini memberikan ruang yang terlampau besar dan bebas kepada akal sehingga persoalan akidah itu tidak lebih dari sekadar isu-isu falsafah dan penghujahan secara logik akal semata-mata. Teks al-Qur'an dan hadith tidak lagi menjadi acuan dan pedoman dalam berhujah. Selain itu al-Ash'ari juga melihat aliran dan pendekatan yang dibawa oleh muhaddithin pula

menyebabkan umat Islam tidak berkembang dari aspek pemikiran, jumud dan beku. Justeru itu beliau mengambil langkah transformasi wasatiyyah dengan mengintegrasikan dan memurnikan aliran logik dan rasional Muktazilah dengan aliran muhaddithin yang bersifat tekstual sehingga melahirkan satu pemikiran sederhana bagi mengembalikan maruah dan keutuhan umat Islam dengan diselarikan akal mengikut nas al-Qur'an dan hadith. Justeru itu bibit-bibit kemunculan aliran al-Asha'irah ini mula muncul pada ketika kemuncak penguasaan Muktazilah dalam aspek akidah, politik dan penentangan mereka terhadap ahli fikah dan hadith. Penguasaan Muktazilah ini sebenarnya didorong oleh tindakan khalifah Daulah Abbasiyyah iaitu al-Ma'mun (W: 198 hijrah) dan al-Mu'tasim Billah (W:218 hijrah) yang memaksa ajaran-ajaran Muktazilah diterima oleh seluruh umat Islam. Tindakan ini menyebabkan timbulnya rasa benci dalam kalangan umat Islam yang tidak bersetuju dengan Muktazilah. Ini selanjutnya mengakibatkan masyarakat Islam berpecah sehingga melahirkan puak-puak kecil yang cuba menentang Muktazilah.

Namun ketika era al-Mutawakkil (W:232 hijrah), Muktazilah mula melalui zaman-zaman suram dan kejatuhan. Pemimpin, ulama dan intelektual dari kalangan mereka dipecat dan dilarang dari mengajar fahaman Muktazilah. Namun titik hitam bagi fahaman Muktazilah ini ialah apabila khalifah al-Mu'tadid Billah (W: 279 hijrah) bertindak mengusir golongan Muktazilah dari kota Baghdad. Beliau yang berfahaman Jabariyyah menyatakan bahawa fahaman Muktazilah merupakan bid'ah. Buku-buku Muktazilah dimusnahkan, pengarangnya pula ditangkap atau dibunuh. Ini sebenar satu malapetaka besar yang melanda umat Islam hingga membawa kepada lenyapnya Muktazilah (Hamzah Harun, 2009. Aliran al-Ash'ariyyah di Institusi Pengajian Tinggi Islam di Sulawesi Selatan. Tesis, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Al-Ash'ari yang sebelum ini berguru dan menguasai selok belok pemikiran Muktazilah menggunakan peluang yang terhidang ini dengan sebaiknya untuk menentang dan menyerang Muktazilah serta mendedahkan pembobongan mereka selain pada masa yang sama mengukuhkan iktikad yang sahih. Kegigihan beliau dalam hal ini dilihat sebagai faktor kenapa aliran al-Asha'irah ini dinisbahkan kepadanya. Tindakan beliau disokong oleh fukaha, muhaddithin dan umat Islam pada masa itu sehingga pendapatnya dibahaskan dan menjadi topik perbincangan dalam majlis-majlis ilmu. Serentak dengan kemunculan aliran ini, muncul satu lagi aliran yang dikenali dengan nama al-Maturidiyyah yang dirintis oleh Abu Mansur Muhammad Ibn Muhammad Ibn Mahmud al-Maturidi (W: 333 hijrah) yang berpusat di Samarkand dan kawasan berdekatan dengan sungai di Khurasan. Aliran ini juga menentang fahaman Muktazilah dan mendukung fuqaha dan muhaddithin dengan cara dan pendekatan yang tersendiri. Justeru itu kedua-dua aliran ini sebenarnya mewakili umat Islam dalam isu yang berkaitan dengan iman, akidah, dan tasawur Islam terhadap perkara yang berkaitan dengan alam kemanusiaan dan kehidupan. Ia sebenarnya selari dengan apa yang dibawa oleh al-Qur'an dan hadith serta menyamai dengan apa yang diamalkan oleh sahabat-sahabat Nabi s.a.w. dan salaf al-Ummah. Bahkan sebenarnya inilah aliran yang dipegang oleh majoriti umat Islam masa kini (Muhammad al-Zuhayli, 2009).

Dua aliran ini, al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah bukanlah membawa akidah yang baru, mereka cipta pendapat mengikut nafsu, bahkan sebenarnya berusaha menguatkan dan meneguhkan akidah Islam yang sahih sebagaimana yang dibawa oleh al-Qur'an dan hadith. Sebenarnya umat Islam sendiri yang membina dan membangunkan kedua-dua aliran ini sejak

dulu hingga sekarang dengan menolak segala perkara yang menimbulkan keraguan dan pemikiran baru, dasar dan prinsip akidah yang dibawa oleh golongan Muktaizilah, Murjiah, Qadariyah, Mujassimah dan lain-lain aliran yang dibahaskan dalam Ilmu Kalam. Justeru itu kegigihan dan usaha beliau yang berterusan dalam menentang golongan yang sesat dan mendedahkan segala fahaman yang bercanggah dengan Islam menjadi faktor aliran ini dinisbahkan kepadanya selain turut menyebabkan nama beliau terkenal di seluruh pelosok dunia sehingga dinamakan fahaman beliau itu dengan mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah (Jalal Muhammad).

Seterusnya cara, pendekatan dan manhaj beliau disebarkan oleh pengikut, pendokong dan anak muridnya ke seluruh Iraq, Khurasan, Syam, Utara Afrika dan Andalus. Pada pertengahan kurun ke 4 hijrah, muncul al-Qadi Abu Bakar al-Baqillani yang bermazhab Maliki. Beliau cekal mempertahankan dan mendukung aliran al-Asha'irah dengan cara memperkemas dan mengukuhkan manhaj yang dibawa oleh al-Ash'ari. Selain itu beliau juga turut menambah hujah perdebatan dengan menggunakan teori rasional mantik dan akal yang merupakan asas kepada pengembangan kefahaman tentang sesuatu dalil dan kewujudan qias bagi menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan persoalan akidah. Antara tema-tema baru yang dimasukkan oleh beliau adalah seperti perbahasan tentang jawhar, 'arad dan jisim. Menurut beliau jawhar adalah sesuatu yang bersifat mungkin, samada mungkin wujud atau tidak. 'Arad pula ialah apa yang terdapat pada jawhar manakala jisim pula adalah yang sesuatu yang terbentuk dari jawhar-jawhar tersebut. Menurut al-Baqillani kesemua benda tersebut dicipta oleh Allah s.w.t secara berterusan dan tidak berhenti sedetik pun. Sekiranya Allah s.w.t berhenti sedetik dari mencipta benda-benda ini, maka semua yang ada ini akan musnah.

Seterusnya muncul pula Imam al-Haramayn al-Juwayni (W: 478 hijrah). Beliau mengikut dan mengembangkan lagi cara dan manhaj al-Baqillani. Dalam bukunya "al-Irshad ila qawati' al-Adillah", beliau menegaskan bahawa kewajipan seseorang Muslim yang mencapai umur dewasa ialah menyelidik dengan menggunakan akal yang boleh membawa kepada keyakinan bahawa alam semesta ini adalah baharu, dan setiap yang baharu itu ada penciptanya. Pencipta itu pula menurut al-Juwayni ialah Allah s.w.t. Menurut beliau lagi, kewajipan ini adalah telah ditentukan oleh syarak, bukan ditentukan oleh akal sebagaimana yang dipegang oleh Muktaizilah. Syaraklah sebenarnya yang mewajibkan kita melakukan penyelidikan secara logik dan rasional untuk sampai kepada suatu keyakinan iaitu bahawa Allah s.w.t sahajalah yang mencipta segala yang ada ini.

Selepas itu muncul pula Hujjah al-Islam Imam al-Ghazali (W: 505 hijrah), murid kepada al-Juwayni. Era beliau merupakan satu peringkat yang begitu kompleks dalam perkembangan aliran al-Asha'irah. Era ini menjelmakan pertembungan tiga metodologi dalam diri beliau iaitu metodologi kalam, falsafah dan sufi. Ketiga-tiga bentuk pemikiran ini dapat dilihat dalam karya-karya besar beliau seperti al-Iqtisad fi al-'Itiqad, Maqasid al-Falasifah, Ihya' 'Ulum al-Din dan lain-lain. Beliau meyakini aliran al-Asha'irah sebagai mazhabnya dan melakukan pengembangan yang bersesuaian dengan kecenderungan dirinya. Beliau memberikan ruang kepada akal lebih daripada gurunya sendiri al-Juwayni sesuai dengan keperluan semasa. Justeru beliau dilihat tidak fanatik dengan pendapat gurunya dan mampu membahas dan menganalisis masalah falsafah dan isu-isu akidah secara objektif.

Salah satu topik dalam kajian falsafah yang mendapat kritikan dan serangan hebat dari Imam al-Ghazali ialah berkenaan kekekalan jiwa. Dengan menggunakan dalil agama, beliau

membongkar kelemahan, kesilapan dan menolak falsafah mereka tentang kekekalan jiwa. Dalam pertembungan ini, al-Ghazali dinilai oleh para pengkaji sejarah pemikiran sebagai telah memenangi dalam perlawanan tersebut. Serangan dan kritikan beliau sebenarnya telah menghilangkan ego mereka yang begitu mengagung-agungkan falsafah. Ini juga sebenarnya menandakan kemenangan Islam ke atas falsafah. Pendekatan yang digunakan oleh beliau seterusnya diikuti oleh ulama-ulama al-Asha'irah yang datang selepasnya (Jalal Muhammad).

FAKTOR-FAKTOR PERKEMBANGAN ALIRAN AL-ASHA'IRAH

Di antara faktor-faktor yang menyumbang kepada perkembangan aliran ini adalah seperti berikut;

Pertama: Tekanan dan paksaan yang dikenakan oleh aliran Muktazilah terhadap pengikut aliran-aliran lain dalam masalah al-Qur'an adalah makhluk (bukan qadim), di samping paksaan mengikut perintah al-Ma'mun (W: 218 hijrah) yang menganut aliran Muktazilah, diikuti al-Mu'tasim (W:227 hijrah) dan al-Wathiq (W: 232 hijrah) sehinggalah al-Mutawakkil (W:247 hijrah) menaik takhta. Baginda memainkan peranan yang penting dalam kejayaan aliran al-Asha'irah mendominasi dunia Islam seterusnya. Semasa baginda menaiki takhta boleh dikatakan hampir kesemua bidang samada pemerintahan, pentadbiran, pendidikan, pusat-pusat perubatan, perdagangan dikuasai oleh aliran Muktazilah. Aliran ini juga turut mendominasi akidah golongan berpendidikan tinggi, intelek-intelek dan golongan kenamaan dalam masyarakat. Aliran selain dari Muktazilah pula hanya menguasai masyarakat kelas bawahan dan kebanyakan mereka terdiri daripada kadi, pendakwah, ulama fikah dan pengikut-pengikut mereka.

Al-Mutawakkil ternyata merupakan seorang khalifah yang licik. Baginda tahu cara untuk meraih sokongan dari golongan yang bukan dari aliran Muktazilah. Baginda mengeluarkan dekri bagi menyingkirkan Muktazilah dan golongan rasional dari jabatan dan institusi kerajaan. Kolej dan universiti diarah tutup. Bidang kesusasteraan, sains dan falsafah dibenarkan, manakala golongan rasionalis pula secara umumnya disingkir keluar dari kota Baghdad. Ulama fikah mula mendapat tempat dan dilantik menjawat di pelbagai posisi dalam pemerintahan dan pentadbiran. Apabila al-Mu'tadid Billah (W: 279 hijrah) menjadi khalifah, golongan al-Asha'irah mula mendapat kemenangan sebenar. Golongan rasionalis dihukum, pusat-pusat pengajian ulama fikah ditubuhkan bagi menyingkirkan unsur-unsur Muktazilah dan rasionalis dalam penulisan falsafah dan pemikir-pemikir mereka. Karya-karya mereka dibakar bahkan pengarang-pengarangnya juga turut dihukum dan dibunuh.

Pada saat inilah muncul al-Ash'ari. Beliau yang terdidik dengan aliran Muktazilah, mempelajari ilmu mantik dan mendalami falsafah mengisytiharkan keluar dari aliran Muktazilah. Tindakan beliau mendapat sokongan dari para ulama fikah, tokoh ilmu kalam dan orang ramai. Nama dan ketokohan beliau mula menjadi sebutan selain turut mendapat sanjungan dari khalifah pada masa itu.

Kedua: Dalam banyak aspek aliran al-Asha'irah didapati lebih menepati kehendak dan cita rasa orang ramai. Ini kerana aspek pemikiran mereka tidak begitu berat dan menyulitkan berbanding Muktazilah. Justeru itu aliran ini diterima dengan mudah.

Ketiga: Aliran Muktaẓilah merupakan suatu aliran pemikiran berkonsepkan falsafah yang sering kali menimbulkan persoalan-persoalan yang berat dan sulit untuk difahami oleh orang awam. Mereka umumnya dikenali sebagai golongan rasionalis Islam.

Keempat: Muktaẓilah dalam aspek-aspek akidah didapati hampir sama dengan Syiah. Sehubungan dengan itu apabila Muktaẓilah dan pemikirannya ditolak ia dengan sendirinya turut memberi implikasi penolakan kepada Syiah.

Kelima: Kebangkitan golongan Turki Saljuq yang berkuasa di Iran dan juga Baghdad serta penerimaan mereka terhadap kekuasaan Bani Abbasiyyah turut menjadi faktor kepada perkembangan dan penyebaran aliran al-Asha'irah (Wan Zailan, 1997 Aliran al-Ash'ari dan al-Asha'irah: Perkembangan, Pengaruh dan Kesannya dalam Dunia Islam khususnya di Alam Melayu, Persatuan Sejarah Malaysia, 84-106).

TOKOH-TOKOH ALIRAN AL-ASHA'IRAH

Realitinya majoriti ulama Islam dan pengikut mazhab fikah yang empat merupakan mereka yang mengikut dan beriltizam dengan aliran al-Asha'irah dalam perkara yang bersangkutan dengan akidah, dakwah dan manhaj. Berikut adalah tokoh-tokoh besar bagi aliran ini yang lahir mengikut kronologi yang bermula dari zaman awal kemunculannya.

Pertama: Tokoh-tokoh pada peringkat ini merupakan pengikut dan murid kepada Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari. Antaranya ialah Abu Ishaq al-Isfirayni (W: 418 hijrah), Abu Bakr al-Qaffal (W: 365 hijrah), 'Abd al-'Aziz Ibn Muhammad al-Tabari (W: 310 hijrah), Ibn Mujahid Ibn Ahmad al-Ta'I (W: 370 hijrah) dan Abu al-Hasan al-Bahili (W: 324 hijrah). Dua tokoh yang terakhir inilah yang bekerja keras mendukung, menyebarkan dan mempertahankan aliran ini pada kurun ke 3 hijrah.

Kedua: Kurun ke 4 hijrah menyaksikan aliran ini mula bertapak kukuh. Banyak karya-karya dihasilkan, mula berkembang subur dan mula didukung oleh ulama-ulama. Tiga orang tokoh yang paling masyhur dalam mendukung aliran ini ialah al-Qadi Abu Bakr Muhammad al-Tayyib al-Baqillani (W: 403 hijrah) seorang yang bermazhab Maliki. Antara karyanya yang masyhur ialah al-Tamhid fi al-Radd 'ala al-Mulahidah wa al-Mu'attilah wa al-Rafidah wa al-Khawarij wa al-Mu'tazilah, al-Bayan, Manaqib al-A'immah fi Naqd al-Mata'in 'ala Salaf al-Ummah, al-Intisaf, Kashf al-Asrar fi al-Radd 'ala al-Batiniyyah dan al-Ibanah 'an Ibtal madhhab ahl al-Kufr wa al-Diyanah. Tokoh kedua ialah Abu Bakr Muhammad Ibn al-Hasan (W: 406 hijrah) yang lebih dikenali dengan gelaran Ibn Furat. Beliau merupakan seorang sasterawan, ahli ilmu kalam dan usul. Beliau bermazhab Shafi'i dan bertapak di sekitar al-Rayy dan Naysabur. Tokoh ketiga pula Abu Ishaq Ibrahim Ibn Muhammad (W: 418 hijrah) yang lebih dikenali dengan gelaran al-Isfirayni. Beliau seorang yang faqih, ahli ilmu usul dan juga kalam dan mempunyai sebuah pusat pengajian di Naysabur.

Ketiga: Kurun ke 5 hijrah begitu terkenal dengan era ramainya bilangan ulama dari aliran al-Asha'irah. Antaranya ialah 'Abd al-Qadir Ibn Tahir al-Baghdadi (W: 429 hijrah). Beliau

merupakan pengarang kepada kitab al-Farq bayn al-Firaq. Tokoh-tokoh lain pula adalah seperti Muhammad Ibn Ahmad Ibn Ahmad Abu Ja'far al-Sammani al-Hanafi, al-Qadi al-Baghdadi (W: 444 hijrah) seorang yang bermazhab Hanafi dalam fikah dan beraliran al-Asha'irah dalam akidah. Dua orang tokoh yang paling terkenal ketika zaman ini ialah Imam al-Haramayn Abu al-Ma'ali 'Abd al-Malik Ibn 'Abd Allah al-Juwayni (W: 478 hijrah). Beliau seorang yang faqih, ahli ilmu usul dan kalam. Antara karya beliau ialah al-Shamil fi al-Usul al-Din, al-Irshad ila Qawati' al-Adillah fi Usul al-I'tiqad dan Luma' al-Adillah fi Qawati' 'Aqa'id ahl al-Sunnah. Seorang lagi tokoh yang terkenal ialah Hujjah al-Islam Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad al-Ghazali (W: 505 hijrah). Antara karya beliau ialah Tahafut al-Falasifah, al-Munqidh min al-Dalal, Ihya' 'Ulum al-Din dan al-Iqtisad fi al-I'tiqad.

Keempat: Kurun ke 6 juga menyaksikan kelahiran ramai tokoh-tokoh besar dalam aliran ini. Antaranya ialah Muhammad Ibn Tumart (W: 525 hijrah). Beliau merupakan murid kepada Imam al-Ghazali dan pengasas kepada Daulah Muwahhidin. Tokoh yang lain pula adalah seperti Abu Bakr Muhammad Ibn 'Abd Allah yang lebih terkenal dengan gelaran Ibn al-'Arabi al-Maliki (W: 543 hijrah) seorang yang faqih dan pakar dalam tafsir al-Qur'an. Dua tokoh yang paling masyhur pada kurun ini ialah Abu al-Fath Muhammad Ibn 'Abd al-Karim al-Shahrastani (W: 548 hijrah) dan antara karya beliau yang tersohor ialah al-Milal wa al-Nihal dan Nihayah al-Aqdam fi 'Ilm al-Kalam. Tokoh yang kedua pula ialah Fakhr al-Din al-Razi (W: 656 hijrah). Beliau merupakan seorang pakar dalam bidang tafsir, fikah, usul al-Fiqh dan 'Ilm al-Kalam.

Kelima: Kurun ke 7 pula menyaksikan aliran al-Asha'irah terus berkembang. Antara tokoh-tokoh besar yang bertanggungjawab dalam hal ini ialah Sayf al-Din al-Amidi (W: 631 hijrah), Shaykh al-Islam al-'Iz Ibn Abd al-Salam (W: 660 hijrah), Shaykh Abu 'Amru Ibn al-Hajib al-Maliki, Shaykh al-Islam 'Iz al-Din al-Husayri al-Hanafi dari Bukhara dan al-Qadi al-Baydawi (W: 685 hijrah).

Keenam: Kurun ke 8 terus menyaksikan aliran ini berkembang pesat dan bertapak kukuh.

Antara tokoh-tokoh aliran al-Asha'irah pada kurun ini ialah Shaykh al-Islam Ibn Daqiq al-'Id (W: 702hijrah), Taqi al-Din al-Subki (W: 756 hijrah), Safyy al-Din al-Hindi (W: 715 hijrah), Qadi al-Qudah Shams al-Din al-Saruji al-Hanafi W: 710 hijrah), Shaykh Jamal al-Din al-Zamlakani (W: 727 hijrah) dan al-Qadi 'Adud al-Din al-Iji al-Shirazi (W: 756 hijrah) (Ali 'Abd al-Fattah, 1995).

Natijah daripada kesungguhan para ulama terdahulu menyebabkan aliran ini terus kekal dalam akidah umat Islam di kalangan Ahli Sunnah wa al-Jamaah. Ia juga telah menjadi sebatian dengan pemikiran, pendapat dan karya dalam pelbagai disiplin ilmu seperti Tauhid, Ilmu Kalam dan Akidah Islamiah. Aliran ini sebenarnya telah menunaikan tanggungjawabnya dalam menjaga akidah yang sahih dalam kalangan umat Islam. Tokoh-tokoh mereka bangun melawan musuh Islam yang menyeleweng, menolak dan membatalkan hujah serta mendedahkan tipu daya mereka.

METODOLOGI ARGUMENTASI AL-ASHA'IRAH

Menurut Muhammad al-Zuhayli, pendukung aliran al-Asha'irah menggunakan dua metodologi ketika membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan akidah. Metodologi tersebut adalah seperti berikut;

Pertama: Penggunaan Dalil Naqli

Penggunaan dalil naqli adalah dengan merujuk kepada al-Qur'an dan hadith yang menerangkan tentang sifat-sifat Allah s.w.t, rasulNya, Hari Akhirat, kepercayaan kepada malaikat, hisab, pahala, dosa, syurga dan neraka. Dalam isu yang berkait dengan nas-nas mutashabihat pula, aliran ini bersandarkan kepada zahir nas dan dalam masa yang sama mensucikan Allah s.w.t dari menyamai makhluk. Aliran ini juga mensabitkan bagi Allah s.w.t segala sifat yang Allah s.w.t sifatkan kepada diriNya dengan keyakinan sifat Allah s.w.t itu tidak sama sekali menyamai sifat makhluk sekalipun dalam sesetengah keadaan terdapat penggunaan nas yang seolah-olah menampakkan Allah s.w.t itu menyerupai makhluk. Ini adalah berdasarkan firman Allah s.w.t.

﴿فَاطِرُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَمِنَ الْأَنْعَامِ أَزْوَاجًا يَذُرُّكُمْ فِيهِ لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ۝﴾

Maksudnya: Tiada sesuatu pun yang menyerupaiNya, dan Dialah yang maha mendengar lagi maha melihat.

Surah al-Shura (42): 11.

Inilah yang dijelaskan oleh pendukung aliran ini dalam kitab-kitab mereka termasuklah Abu al-Hasan al-Ash'ari sendiri di dalam kitabnya al-Ibanah. Pendekatan aliran ini yang berasaskan tafsiran al-Qur'an dan hadith sebenarnya menyamai manhaj Salaf dan pengikut Imam Ahmad Ibn Hanbal yang begitu berpegang dengan dalil secara harfi atau tekstual (Muhammad al-Zuhayli, 2009).

Kedua: Penggunaan Akal

Penggunaan akal dipraktikkan oleh pendukung aliran al-Asha'irah bagi memperkuat pendalilan yang diambil dari al-Qur'an dan hadith. Mereka menggunakan kaedah relevan dan logik (Mantik) untuk menyokong nas al-Qur'an dan hadith. Inilah sebenarnya cara Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari yang tidak menjadikan akal semata-mata sebagai penghukum kepada nas sebagaimana yang dilakukan oleh Muktazilah sebaliknya akal itu digunakan sebagai pembantu bagi menguatkan zahir nas dan menyokongnya. Beliau cukup pintar dalam penggunaan dalil aqli dan menerima pakai cara ini selama mana akal itu tunduk dan patuh kepada kekuasaan nas (Safar al-Hawali).

FAKTOR-FAKTOR PENGGUNAAN AKAL

Terdapat beberapa faktor mengapa aliran ini bergantung kepada akal dalam pendalilan mereka tentang isu-isu yang berkait dengan akidah.

Pertama: Imam Abu al-Hasan al-Ash‘ari asalnya merupakan seorang yang berfahaman Muktaizilah. Beliau sudah terbiasa dan terlatih dengan bentuk pendalilan yang menggunakan akal, prinsip-prinsip falsafah, dan mantik yang begitu berkembang pesat pada masa itu terutamanya ketika berhujah dengan pihak lawan. Justeru itu penggunaan akal dipraktikkan oleh beliau berikutan kemunculan pelbagai mazhab dan puak yang menggunakan pendalilan secara akal secara melampau bagi meraih sokongan atau menimbulkan syak dan kekeliruan dalam akidah, selain turut menyerang Islam dan menyebarkan fitnah dalam kalangan penganutnya. Contohnya ketika berhujah dengan golongan Atheis, mereka tidak akan berpuas hati jika sekiranya hanya dikemukakan dalil naqli sahaja, justeru itulah wujudnya keperluan kepada penggunaan qias, mantik dan dalil aqli.

Kedua: Antara aliran yang dihadapi oleh al-Ash‘ari ialah golongan Muktaizilah. Pendukung aliran ini sentiasa melontarkan pendapat, penyelewengan dan kekeliruan samada di medan politik atau pun akademik. Justeru itu untuk menolak perkara yang sedemikian, al-Ash‘ari perlu menggunakan bentuk senjata yang sama digunakan oleh musuh iaitu penggunaan akal bagi tujuan membatalkan dan menolak hujah mereka.

Abu al-Hasan al-Ash‘ari sebenarnya bukanlah perintis kepada penggunaan akal untuk mempertahankan Ahli Sunnah wa al-Jamaah. Sebelumnya telah muncul ulama seperti al-Harith al-Muhasibi dan lainnya. Namun kerana keilmuannya yang mendalam ditambah lagi dengan kepercayaan masyarakat kepadanya serta penggunaan akal yang boleh diterima oleh kebanyakan ulama Ahli Sunnah menyebabkan beliau menjadi perintis penggunaan kepada penggunaan cara ahli kalam di dalam perbahasan dan perdebatan dengan menggunakan dalil aqli bagi menyokong aliran mereka. Cara beliau ini seterusnya diperkembangkan lagi oleh tokoh-tokoh selepasnya seperti al-Baqillani, al-Juwayni dan al-Ghazali (Muhammad al-Zuhayli, 2009).

PENDAPAT AL-ASHA‘IRAH TENTANG SIFAT ALLAH

Aliran ini berpendapat bahawa Allah s.w.t mempunyai sifat yang azali seperti basar, kalam dan qudrat. Ini bermaksud Allah s.w.t mengetahui dengan ilmuNya, melihat dengan penglihatanNya, berkuasa dengan qudratNya sehinggalah dua puluh sifat yang dinyatakan oleh nas-nas syarak yang wajib diketahui oleh setiap mukallaf. Muktaizilah pula mengingkari adanya sifat bagi Allah s.w.t dan mereka berpendapat Allah s.w.t mengetahui dengan zatNya, melihat dengan zatNya dan berkata-kata dengan zatNya. Dalam erti kata yang lain aliran Muktaizilah berpendapat segala sifat Allah s.w.t yang disebut dalam al-Qur‘an wajib ditafsir dengan cara yang sebegini. Contohnya “tangan Allah” ditakwil dengan makna kelembutanNya, “wajah Allah” ditakwil dengan zatNya. Ini berbeza dengan aliran al-Mushabbihah yang menyamakan sifat Allah s.w.t dengan sifat makhluk.

Abu Hasan al-Ash'ari dalam karyanya yang bertajuk "al-Ibanah" menyatakan setiap sifat itu tidak boleh difahami dengan makna zahirnya dan takwil. Sebaliknya ianya perlu difahami dengan cara "bila kayf" (tanpa bentuk-bentuk yang tertentu), sertanya menyerahkan kepada ilmu Allah s.w.t tentang "kayf" tersebut. Sifat Allah s.w.t itu merupakan sifat sebenar bagiNya, namun manusia tidak mampu mengetahui hakikat sebenar sifat tersebut secara tepat. Justeru itu beliau berpendapat Allah s.w.t itu beristiwa' di atas Arash sebagai firmanNya dalam Surah Taha ayat 5 ﴿الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى ۝﴾ mempunyai wajah bila kayf sebagaimana firmanNya dalam surah al-Rahman ayat 27 ﴿وَيَبْقَى وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ ۝٢٧﴾ mempunyai dua tangan sebagaimana firmanNya dalam surah al-Maidah ayat 64 ﴿بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ ۚ﴾. Justeru itu aliran Abu Hassan al-Ash-ari dalam hal ini ialah al-Tafwid, beliau dalam hal ini menyamai pandangan Salaf.

Namun dalam karyanya yang bertajuk "al-Luma'" didapati beliau mentakwil perkataan "tangan" dengan makna kekuasaan. Bahkan terdapat tokoh-tokoh besar aliran ini seperti al-Baghdadi dan al-Juwayni yang mentakwil sifat tersebut (tangan) dengan makna kekuasaan, "mata" dengan makna penjagaan, "wajah" dengan makna zat dan begitulah seumpamanya bagi sifat-sifat yang lain. Bentuk pentakwilan dan kefahaman beginilah yang dibawa dan dituruti oleh ulama-ulama al-Asha'irah yang terkemudian sehinggalah ke hari ini. Hal ini dijelaskan oleh para muhaqqiq dengan kata-kata "pendapat Salaf lebih aslam (selamat), manakala pendapat Khalaf pula lebih ahkam (teliti)" ('Abd al-Ghaniy).

KESIMPULAN

Aliran ini diasaskan oleh ialah 'Ali Ibn Isma'il Ibn Ishaq Ibn Salim Ibn Isma'il Ibn 'Abd Allah Ibn Musa Ibn Bilal Ibn Abi Burdah Ibn Abi Musa al-Ash'ari. Pendukung aliran ini menggunakan dua metodologi ketika membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan akidah iaitu penggunaan dalil naqli dengan merujuk kepada al-Qu'ran dan hadith dan penggunaan akal bagi memperkuat pendalilan yang diambil dari al-Qur'an dan hadith. Mereka menggunakan kaedah relevan dan logik (Mantik) untuk menyokong nas al-Qur'an dan hadith. Kesungguhan ulama terdahulu dari aliran ini menyebabkan ianya terus kekal dalam akidah umat Islam dan menjadi sebatian dengan pemikiran, pendapat dan karya dalam pelbagai disiplin ilmu Islam. Aliran ini sebenarnya telah meninggalkan jasa yang besar dalam menjaga akidah umat Islam.

RUJUKAN

- 'Abd al-Ghani, 'Abd al-Maqsud, (1406 hij), Usul al-'Aqidah al-Islamiyyah, Kaherah: Maktabah al-Zahra'.
- 'Abd al-Ghaniy Abd al-Maqsud (1406 hijrah), Usul al-'Aqidah al-Islamiyyah. Kaherah: Maktabah al-Zahra'.
- 'Abd al-Raziq Mustafa, Tamhid li Tarikh al-Falsafah al-Islamiyyah. Kaherah: Maktabah al-Thaqafat al-Diniyyah.
- 'Abd al-Raziq, Mustafa, Tamhid li Tarikh al-Falsafah al-Islamiyyah, Kaherah: Maktabah al-Thaqafat al-Diniyyah.

- ‘Arudi, Shakir Ibn Tawfiq al- (1996), *Manhaj al-Salaf fi al-Asma’ wa al-Sifat*. Damman: Ramadi li al-Nashr.
- ‘Ays, Muhammad Khayr Muhammad Salim al- (2003), *Ayat al-Sifat ‘ind al-Salaf bayn al-Ta’wil wa al-Tafwid min khilal Tafsir al-Tabari*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ahmad Ahmad Abu al-Sa‘adat (1984), *Dirasat fi al-‘Aqidah al-‘Islamiyyah*. Matba‘ah al-Nahdah al-‘Arabiyyah.
- Ahmad Nazri bin Zainol (2010). *Tafsiran Ayat-Ayat Sifat: Perbandingan antara Fakhr al-Din al-Razi dan Ibn Taymiyyah*. (Disertasi yang tidak diterbitkan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)
- Asqar, ‘Umar Sulayman al- (1994), *Asma’ Allah wa Sifatuh fi Mu‘taqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah*, c. 2. Amman: Dar al-Nafa’is li al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Asqar, ‘Umar Sulayman al- (1995), *al-‘Aqidah fi Allah*, c. 10. Amman: Dar al-Nafa’is li al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Buti, Muhammad Sa‘id Ramadan al- (2008), *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Haji Khalifah (1992), *Kashf al-Zunun ‘An Usama al-Kutub Wa al-Funun*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Battah, Abu ‘Abd Allah ‘Ubayd Allah Ibn Muhammad (2002), *al-Ibanah ‘an Shari‘ah al-Firqah al-Najiyah wa Mujanabah al-Firaq al-Madhmumah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Jami, Muhammad Aman Ibn ‘Ali al- (1408 hijrah), *al-Sifat al-‘Ilahiyyah fi al-Kitab wa al-Sunnah al-Nabawiyyah fi Daw‘al-Ithbat wa al-Tahzih*. Riyadh: al-Majlis al-‘A‘la li Ihya’ al-Turath al-‘Islami.
- Maydani, ‘Abd al-Rahman Hasan Habannakah al- (1994), *al-‘Aqidah al-‘Islamiyyah wa Ususuha*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Muhammad Abu Zahrah, *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-‘Aqa’id wa Tarikh al-Madhahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Muhammad Muhammad ‘Abd al-‘Alim Dasuqi (2011), *Sahih Mu‘taqad Abi al-Hasan al-Ash‘ari fi Tawhid al-Sifat wa Atharuh fi Wihdah wa I‘adah Siyaghah al-Mujtama‘ al-Islami*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Muyassar, Muhammad Sayyid Ahmad al, *al-Ilahiyyat fi al-‘Aqidah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-I‘tisam.
- Qaradawi, Yusuf al- (2005), *Fusul fi al-‘Aqidah bayn al-Salaf wa al-Khalaf*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Shahrastani, Muhammad Ibn ‘Abd al-Karim Ibn Abi Bakr al- (1991), *al-Milal wa al-Nihal*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Shihab al-Din Abu al-Falah Ibn ‘Imad (1998), *Shadharat al-Dhahab Fi Akhbar Min Dhahab*. Beirut:
- Siti Sa‘adiah binti Shafik (1999). *Ayat-Ayat Mutashabihat dalam Akidah: Suatu Kajian Perbandingan antara Ulama Salaf dan Khalaf*. (Disertasi yang tidak diterbitkan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).